

# Formula mujarab bangunkan negara

Dari  
Kaca  
Mata



**Noor Mohamad Shakil Hameed**

Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Putra Malaysia

**M**embangun dan membina semula negara yang dijajah lebih 400 tahun bukan mudah, apatah lagi untuk mengubah landskap ekonomi dari berpendapatan rendah berasaskan pertanian kepada negara berpendapatan pertengahan tinggi berasaskan perindustrian.

Ia memerlukan perancangan dan pelaksanaan hebat, malah mentaliti, gaya hidup dan budaya kerja rakyat juga perlu diubah supaya seiring dan membangun bersama.

Ironinya kecekapan pemimpin serta semangat rakyat yang mahu mengubah nasib anak bangsa. Dari sebuah negara kecil yang mundur dan miskin, kita bangun menjadi Harimau Asia.

Baru-baru ini, ketika menghadiri Persidangan Antarabangsa Ketiga Mengenai Kemunculan Afrika (ICEA-III), Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkongsi dua formula penting yang menjadi asas kejayaan Malaysia iaitu tadbir urus baik dan kestabilan.

Mengikut tafsiran, tadbir urus bermaksud cara atau sistem mentadbir, mengurus dan mengawal selia dasar, fungsi atau perjalanan sesebuah organisasi.

## Tulang belakang kawal selia operasi

Dalam konteks sebuah negara, ia menjadi tulang belakang untuk mengawal selia operasi dan perjalanan seluruh jentera pentadbiran kerajaan dalam mencapai sasaran dan objektif ditetapkan.

Sejak merdeka, kerajaan memperkenalkan pelbagai kaedah dan sistem serta dasar untuk memperkukuh tadbir urus. Contohnya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional, dengan hasrat mengurangkan dan membasmi kemiskinan.

Ketika zaman Dr Mahathir, diperkenalkan kempen kepemimpinan melalui teladan untuk memperkukuh tadbir urus jentera perkhidmatan awam melalui konsep bersih, cekap dan amanah.

Slogan keramat ini memberi impak besar kepada

jati diri dan integriti penjawat awam untuk terus berkhidmat terbaik kepada rakyat dan negara.

## Tingkat keyakinan pelabur

Kerajaan ketika itu juga memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur, iaitu inisiatif untuk belajar dari Jepun dan Korea Selatan mengenai kaedah membangunkan ekonomi negara. Banyak manfaat diperolehi rakyat dan negara.

Kestabilan politik menjadi asas kejayaan selama ini, kerana kerajaan yang kukuh membolehkan negara mencapai kemajuan diidamkan. Ia juga merintis kestabilan dalam pelbagai aspek lain seperti keselamatan dan keamanan negara serta perpaduan rakyat.

Dari segi ekonomi kestabilan politik membantu meningkatkan keyakinan pelabur luar untuk melabur. Malah, kerjasama erat antara kerajaan dengan sektor swasta membolehkan Malaysia membangun dengan cepat.

Kepesatan dan kerancakan pembangunan sektor perindustrian memungkinkan kita mencapai kejayaan begitu pantas.

Peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan juga meningkat berlipat ganda di samping peluang menambah kemahiran diperlukan untuk menjadi pekerja berkemahiran tinggi.

Gabungan elemen tadbir urus yang baik dan kestabilan dalam pelbagai aspek menjadi formula mujarab yang membolehkan kita melakar pelbagai sejarah dan kejayaan dalam masa singkat.

Siapa sangka dalam tempoh 62 tahun, kita mampu bersaing dengan negara maju yang jauh lebih senior.

Kita tidak mahu tadbir urus kerajaan dirosakkan oleh rasuah dan salah guna kuasa. Integriti perlu menjadi perisai dan amalan sepanjang masa. Jangan kerana tamak kita gadaikan maruah, nilai diri dan integriti.

Hal ini perlu diambil tindakan serius kerana masalah rasuah dan salah guna kuasa seolah-olah menjadi 'trend' dalam kalangan rakyat kita.

Pada masa sama, kita tidak mahu kecelesapan dan kerakusan sesetengah ahli politik yang tidak matang dan hanya mementingkan diri memporak perandakan kestabilan politik negara.

Banyak insiden dan drama dapat dilihat selepas PRU-14 dan ia mengganggu gugat kestabilan politik serta memberi kesan kepada perpaduan kaum. Politik perkauman terus dijadikan modal, sedangkan ia cukup bahaya dan tidak bertanggungjawab.

Kepada yang menang jangan sesekali lupa daratan dan menongkat ke langit. Kepada yang kalah, janganlah terus berdendam dan mencari kesalahan semata-mata.